

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : NASIONAL

## KKM akan perhalusi semula SOP aktiviti luar bilik darjah

**KUALA SELANGOR** - Kementerian Kesihatan (KKM) akan meneliti semula prosedur operasi standard (SOP) berkaitan segala aktiviti luar bilik darjah di semua sekolah termasuk meningkatkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan (KPM).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, penelitian itu perlu bagi menambah baik prosedur sedia ada susulan kematian seorang pelajar lelaki ketika menyertai aktiviti merentas desa pada Jumaat lalu.

Menurut beliau, kejadian itu perlu dijadikan iktibar bagi mewujudkan satu SOP lebih tuntas dan berkesan bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

"Saya pada awal sudah menegur perkara ini, namun mungkin tidak ada tindakan tegas dan tuntas.

"Bagi saya, perlu ada satu SOP yang jelas mengenainya," katanya ketika menghadiri Majlis Aidilfitri Parlimen Kuala Selangor di Puncak Alam di sini pada Ahad.

Sehubungan itu, katanya, beliau yakin Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Pengarah Jabatan Pendidikan akan meningkatkan penguatkuasaan berhubung SOP tersebut.

Terdahulu, pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar di Gentam, Negeri Sembilan rebah ketika menyertai aktiviti merentas desa kira-kira jam 8 pagi.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Pilah, Deputy Superintendent Syahrul

“

*Saya pada awal sudah menegur perkara ini, namun mungkin tidak ada tindakan tegas dan tuntas, bagi saya perlu ada satu SOP yang jelas mengenainya.”*



- Dr Dzulkefly

Anuar Abdul Wahab berkata, Nuqman Naufal Shamsul Fadzli, 14, meninggal dunia ketika merentas desa melibatkan jarak tujuh kilometer bersama kira-kira 700 pelajar lain.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai rakaman tular memaparkan puluhan kampak beras, tepung dan sardin dibuang di tapak pelupusan sampah, Dr Dzulkefly menegaskan soal makanan yang mengalami tarikh luput tidak boleh diambil mudah serta tidak selamat dimakan.

"Semua pihak perlu jelas mengenai perkara ini bagi memastikan apa jua bentuk makanan mestilah selamat untuk dimakan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Minda Pengarang

Mohamad Azlan Jaafar



# Tubuh Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan untuk lindungi doktor dan jururawat

TIDAK mengejutkan. Masalah sudah berlarutan sekian lama. Gaji permulaan jururawat di Malaysia ketujuh paling rendah di rantau ASEAN. Ramai jururawat berhijrah ke negara lain.

Gaji tinggi dan keadaan kerja lebih baik mendorong mungkin ribuan jururawat ke negara lain. Mereka tidak boleh dipersalahkan. Kalau gaji di negara Timur Tengah mencecah lebih RM15,000 sebulan, tiada cukai pendapatan, perumahan percuma dan hanya empat hari kerja seminggu, siapa yang tidak tertarik.

Apa yang mengecewakan kedudukan Malaysia di rantau ASEAN lebih rendah berbanding negara yang jauh kurang maju. Apa guna keluaran negara kasar RM1.4 trilion tetapi mereka di negara yang lebih mundur meraih gaji lebih baik.

Perkara sama berlaku kepada doktor tempatan. Ramai memilih berhijrah dan sanggup meninggalkan keluarga kerana apa diperoleh di bumi asing lebih baik. Tidak payah bercerita mengenai hujan emas di bumi orang dan hujan batu di negeri sendiri. Hari ini, ramai tanpa berfikir panjang memilih hujan emas.

Jumlah doktor terutama bertaraf kontrak yang berhenti sangat mendukacitakan. Ada hanya menanti lengkap tempoh dua tahun selepas mendapat nombor perubatan untuk berhenti dan berhijrah.

United Kingdom, Singapura dan Australia menjadi pilihan tanpa berfikir panjang. Sebahagian besar adalah orang Melayu yang tidak lagi kisah kehilangan hak dan keistimewaan sebagai bumiputera di negara sendiri.

Apa guna keistimewaan apabila layanan diterima di negara asing lebih baik berbanding menjadi Melayu di negara sendiri.

Ada yang memilih membuka klinik dan tidak kurang memilih menjadi doktor di klinik estetik yang lebih lumayan pendapatan tanpa perlu melalui perit "on call".

Sistem kesihatan negara terutama perjawatan dan layanan kepada mereka yang bertanggungjawab memastikan kebajikan pesakit terjaga, boleh dikatakan "rotten to the core".

Mereka yang terus berkhidmat dalam sistem kesihatan adalah hero sebenar. Mereka kekal berkhidmat walaupun imbuhan jauh lebih rendah berbanding tugas dipikul.

Walaupun bertukar menteri, hasilnya sama. Bayaran perkhidmatan kesihatan RM1. Itu lebih murah berbanding sebatang rokok. Pesakit mengharapkan perkhidmatan kesihatan bertaraf dunia dengan bayaran kurang daripada harga satu roti canai.

Transformasi perkhidmatan kesihatan harus dilakukan. Bagi mengekang pengaliran keluar "insan kesihatan" terbaik negara, Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan harus diwujudkan. Perkhidmatan kesihatan harus dipisahkan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Mereka tiada hak menentukan tangga gaji dan imbuhan sektor kesihatan apabila hanya bersenang lenang di kerusi empuk di Putrajaya. Hanya menyatakan rasa simpati "Kami faham" tanpa perlu berkhidmat dalam sistem kesihatan tidak akan membawa perubahan. Ramai mengatakan mereka faham tanpa pernah melaluinya.

Jika kerajaan mahu membangunkan sektor kesihatan kelas dunia dan mengekalkan insan terbaik warga Malaysia, pisahkan sektor kesihatan daripada genggaman sektor awam lain. Jika keadaan sekarang kekal, Malaysia mungkin berada di kedudukan hanya di atas Myanmar di kalangan negara Asean dalam imbuhan jururawat.

Mohamad Azlan Jaafar adalah Pengarang Kumpulan Media Mulia Sdn. Bhd.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Jururawat lelaki pun ramai hijrah ke luar negara

**SEREMBAN:** Isu kekurangan jururawat di negara ini khususnya di hospital kerajaan serta fasiliti kesihatan swasta turut melibatkan dalam kalangan jururawat lelaki.

Pengerusi Persatuan Jururawat Islam Malaysia (Inam), Zamri Sahri berkata, ketika bilangan jururawat lelaki masih rendah berbanding jururawat wanita, golongan itu juga semakin ramai berhijrah untuk bekerja di luar negara.

"Saya tiada data namun daripada pemerhatian bukan hanya bilangan golongan lelaki yang memilih bidang kejururawatan kurang malah jururawat lelaki sedia ada yang kemudian berhenti dan bekerja sebagai jururawat di luar negara juga ramai.

"Sudah tentu lelaki lebih mudah untuk mobilisasi dan mandiri di luar negara berbanding wanita khususnya di tempat

asing selain peranan penjagaan anak di rumah dengan lebih mudah bapa merantau dan meninggalkan anak-anak berbanding ibu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Beliau berkata, walaupun pandangan sinis masyarakat terhadap kerjaya sebagai jururawat lelaki tetapi tenaga kerja mereka sangat diperlukan dalam penjagaan kesihatan.

"Kami di Inam juga sentiasa mempromosikan penglibatan golongan lelaki dalam kerjaya jururawat khususnya dalam menguruskan pesakit-pesakit lelaki.

"Permintaan terhadap golongan lelaki juga tinggi khususnya di unit-unit kritikal seperti kecemasan dan unit rawatan rapi (ICU) selain tempat-tempat yang memerlukan tenaga kerja yang lebih bagi mengangkat pesakit seperti di dewan pembedahan selain pengendalian mesin yang lebih teknikal.

"Selain itu, kehadiran jururawat lelaki adalah bagi memenuhi tuntutan syaria khususnya di negara Islam iaitu supaya pesakit lelaki dirawat oleh jururawat lelaki," katanya.

Sementara itu, Zamri berkata, tawaran gaji dan imbuhan berganda tidak dapat dinafikan menjadi faktor ramai jururawat di negara ini khususnya jururawat di hospital kerajaan membuat keputusan berhenti dan berhijrah untuk bertugas di hospital di luar negara.

"Ini bukan isu baru namun sejak kebelakangan ini ia menjadi trend ketika kos hidup yang meningkat dan gaya hidup yang moden mereka memilih untuk bekerja di luar negara seperti di Singapura. Beban kerja sama namun mereka boleh mendapat gaji yang berkali ganda ditambah Singapura juga tidak jauh berbanding mereka ke negara-negara Asia Barat," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Pastikan naik taraf HKL telus - MMA

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu memastikan kerja-kerja menaik taraf Hospital Kuala Lumpur (HKL) yang dianggarkan berjumlah RM200 juta dilaksanakan dengan telus.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. Azizan Abdul Aziz berkata, kerajaan pada masa sama perlu meningkatkan kemudahan di fasiliti kesihatan awam lain.

Katanya, walaupun HKL yang berusia lebih 100 tahun perlu dinaik taraf, kemudahan kesihatan di tempat lain perlu diberi perhatian sama.

"MMA telah menerima mak-

lum balas mengenai beberapa hospital yang sangat memerlukan penyelenggaraan dan peningkatan sewajarnya.

"Beberapa isu dalam fasiliti ini termasuk siling serta paip bocor dan berkarat, panel katil usang dan katil lama dengan hidraulik yang tidak lagi berfungsi. Di sesetengah hospital, pesakit diberi bantuan pernafasan di HDU (Unit Rawatan Separa Rapi) ketika ICU (Unit Rawatan Rapi) penuh, yang mana ia tidak optimum," katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian keti-

ka diminta mengulas mengenai laporan Kementerian Kesihatan (KKM) yang mahu menaik taraf HKL bermula tahun depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pelan pembangunan semula HKL dibuat dalam tiga peringkat membabitkan dua komponen bagi memastikan perkhidmatan sedia ada tidak terjejas malah terus dapat disampaikan kepada rakyat semasa kerja menaik taraf dilakukan.

Katanya, pelan itu dibahagikan kepada dua komponen iaitu perancangan pembinaan blok baharu dan menaik taraf

blok utama dengan cadangan kerja naik taraf wad di bangunan utama telah disenaraikan dalam permohonan Rolling Plan Kelima (RP5) 2025 dengan anggaran kos sebanyak RM200 juta kepada Kementerian Ekonomi.

Selain itu, beliau berkata, antara kerja-kerja naik taraf yang telah diluluskan di dalam RP4 pada 2024 ialah kerja awalan penyediaan skop projek dan anggaran kos pembangunan bagi cadangan projek blok tambahan wad ICU dan Institut Kaji Saraf Tunku Abdul Rahman (IK-TAR).

Mengulas lanjut, Dr. Azizan

berkata, MMA menyarankan kerajaan menjalankan audit penuh ke atas semua fasiliti penjagaan kesihatan awam di seluruh negara.

Katanya, langkah itu bagi menilai dana sewajarnya yang perlu diperuntukkan untuk membaiki, menyelenggara dan menaik taraf fasiliti berkenaan.

"Butiran audit juga perlu didedahkan kepada umum. Selain itu, kerajaan harus mengurangkan kerenah birokrasi yang dalam meminta penyelenggaraan dan naik taraf kerana beberapa isu memerlukan tindak balas segera," katanya.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NATION

# 'Sabah in need of heart hospital'

## Shafie: Dedicated medical facility, more specialists vital to meet growing population

By MUGUNTAN VANAR  
vmugu@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** Sabah is in urgent need of improved medical facilities and specialists, says Parti Warisan president Datuk Seri Shafie Apdal.

He said major hospitals in the state are lacking in specialists and there is also a need to build new hospitals to cater to Sabah's growing population.

Welcoming Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's announcement on the proposed Sabah Cardiology Centre at the Queen Elizabeth II Hospital (QEH

II) here, Shafie however said there should be a dedicated heart hospital built for the state.

"I appreciate what has been announced but we need a new (heart) hospital," he told reporters after a walkabout at Dongonggon township in Penampang yesterday.

He said the heart hospital could be located outside Kota Kinabalu district in the west coast due to the growing population there.

Shafie, who is the Semporna MP, said he often raised in Parliament the issue on the lack of cardiologists and other specialists in Sabah.

He said major hospitals in Tawau, Sandakan and Keningau do not have heart specialists and this is a problem during emergencies.

Shafie revealed that there had been cases where heart patients died because they did not receive treatment in time.

"We can't afford to send the patients to Kuala Lumpur. So we need the facilities here in Sabah," he said.

The former Sabah chief minister also said there is an overall need to improve medical facilities in the districts.

For example, he said the state's

main general hospital – Queen Elizabeth Hospital I – has 700 beds and even food for the patients have to be sent from QEH II.

"At times there were visitors looking after their warded family members who had to sleep on the floor," he added.

Warisan's Kota Belud MP Isnaraisah Munirah Majlis, in thanking Anwar, also called for the setting up of a Sabah Heart Hospital.

Isnaraisah said in a Facebook post that it is good that the federal government is taking action to improve health services in Sabah.

Saying it is necessary to be fair to all Malaysians, she said the Federal Government must correct the imbalance in the provision of services in the states.

During his visit to Kota Kinabalu on Saturday, Anwar said a special block meant for cardiology cases would be set up at the QEH II.

He said three cardiologists would be transferred here and announced an immediate RM80mil allocation to start the project. The prime minister said the healthcare system in Sabah is quite limited and many had to fly to the peninsula for various forms of treatment.